

Bil. S 27

**AKTA MAHKAMAH BESAR
(PENGAL 5)**

ATURAN-ATURAN MAHKAMAH TINGGI BRUNEI (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 12 dari Akta Mahkamah Besar, maka Hakim-Hakim Mahkamah Besar, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan Mahkamah yang berikut –

1. (1) Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi Brunei (Pindaan), 1999. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

- (2) Aturan-Aturan ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Jun, 1999.

2. Aturan-Aturan ini hendaklah dikenakan kepada setiap tindakan dalam Mahkamah pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Aturan-Aturan ini, sama ada atau tidak tindakan itu dimulakan sebelum tarikh itu. Pengenaaan.

3. Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi Brunei, 1990 (selepas ini dipanggil Aturan-Aturan utama) adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas Perintah 14 – Tambahan Perintah 14A.

“PERINTAH 14A

Persoalan
undang-undang.
(P. 14A, a. 1).

1. (1) Mahkamah boleh atas permohonan suatu pihak atau atas usulnya sendiri memutuskan sebarang persoalan undang-undang atau pentafsiran sebarang dokumen yang berbangkit dalam sebarang guaman atau perkara pada mana-mana peringkat prosiding jika pada pendapat Mahkamah bahawa –

- (a) persoalan itu sesuai untuk diputuskan tanpa perbicaraan penuh tindakan tersebut, dan
- (b) keputusan itu akan akhirnya memutuskan (hanya tertakluk kepada sebarang rayuan yang mungkin) seluruh guaman atau perkara itu atau sebarang tuntutan atau isu di dalamnya.

(2) Atas keputusan tersebut Mahkamah boleh menolak guaman atau perkara itu atau membuat perintah atau penghakiman sebagaimana yang difikirkannya adil.

(3) Mahkamah tidaklah boleh memutuskan sebarang persoalan di bawah Perintah ini melainkan jika pihak-pihak tersebut ada mempunyai peluang untuk didengar atas persoalan tersebut.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menghadkan kuasa-kuasa Mahkamah di bawah Perintah 18, aturan 18, atau sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini.

Pengenaan.
(P. 14A, a. 2).

2. Suatu permohonan di bawah aturan 1 boleh dibuat dengan saman atau usul atau (dengan tidak menghiraukan Perintah 32, aturan 1) boleh dibuat secara lisan dalam masa sebarang permohonan interlokutori kepada Mahkamah.

Pindaan
Perintah 18.

4. Perintah 18 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut, selepas aturan 7 –

“Penyabitan
kesalahan.
(P. 18, a. 7A).

7A. (1) Jika dalam sebarang tindakan yang hendak dibicarakan dengan pliding mana-mana pihak berniat untuk mengemukakan keterangan bahawa seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh atau di hadapan Mahkamah di Brunei atau oleh Mahkamah Tentera di sana atau di tempat lain, dia mestilah memasukkan dalam plidingnya suatu pernyataan tentang niatnya dengan butir-butir –

(a) penyabitan kesalahan dan tarikhnya,

(b) Mahkamah atau Mahkamah Tentera yang membuat penyabitan kesalahan, dan

(c) isu dalam prosiding di mana penyabitan kesalahan adalah berkaitan.

(2) Dalam sebarang tindakan yang hendak dibicarakan dengan pliding mana-mana pihak berniat untuk mengemukakan keterangan bahawa seseorang telah didapati bersalah kerana melakukan perzinaan dalam prosiding hal-ehwal suami isteri atau telah didapati sebagai ayah kepada seseorang kanak-kanak dalam prosiding yang berkaitan di hadapan mana-mana Mahkamah di Brunei atau telah diputuskan sebagai ayah kepada seseorang kanak-kanak dalam prosiding gabungan di hadapan Mahkamah di Brunei, dia mestilah memasukkan dalam plidingnya suatu pernyataan tentang niatnya dengan butir-butir –

- (a) keputusan atau penghukuman dan tarikhnya,
- (b) Mahkamah yang membuat keputusan atau penghukuman dan prosiding di mana ia dibuat, dan
- (c) isu dalam prosiding di mana keputusan atau penghukuman adalah berkaitan.

(3) Jika pliding suatu pihak termasuk pernyataan yang disebutkan dalam perenggan (1) atau (2) maka jika pihak lawan –

- (a) menafikan penyabitan kesalahan, keputusan melakukan perzinaan atau penghukuman menjadi ayah yang disebut dalam pernyataan itu, atau
- (b) mengatakan bahawa penyabitan kesalahan, keputusan atau penghukuman adalah silap, atau
- (c) menafikan bahawa penyabitan kesalahan, keputusan atau penghukuman ada kena mengena dengan sebarang isu dalam prosiding tersebut,

dia mestilah membuat penafian atau pengatahan dalam plidingnya.”.

5. Perintah 24 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan –

Pindaan
Perintah 24.

- (a) menambah yang berikut selepas aturan 11 –

“Salinan-
salinan
dokumen.
(P. 24, a. 11A).

11A. (1) Mana-mana pihak yang berhak untuk memeriksa sebarang dokumen di bawah sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang perintah yang dibuat di bawahnya boleh pada atau sebelum masa apabila pemeriksaan dijalankan menyampaikan kepada pihak yang dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen tersebut bagi pemeriksaan suatu notis (yang mengandungi suatu akujanji untuk membayar bayaran yang munasabah) yang menghendakinya untuk memberikan satu salinan sebenar sebarang dokumen yang dapat disalin dengan proses fotografik atau serupa.

(2) Pihak yang disampaikan dengan suatu notis mestilah dalam masa tujuh hari selepas menerimanya memberikan salinan yang diminta itu berserta dengan suatu akaun bayaran yang munasabah.

(3) Jika suatu pihak gagal memberikan kepada pihak yang satu lagi satu salinan sebarang dokumen di bawah perenggan (2), Mahkamah boleh, atas permohonan salah satu pihak, membuat perintah tentang pemberian dokumen itu sebagaimana yang difikirkannya patut." ; dan

(b) menambah yang berikut selepas aturan 14 –

"Penggunaan
dokumen.
(P. 24, a. 14A).

14A. Sebarang akujanji, sama ada nyata atau tersirat, untuk tidak menggunakan suatu dokumen bagi sebarang maksud selain dari maksud prosiding di mana dokumen itu didedahkan hendaklah berhenti menggunakan dokumen itu setelah ia dibacakan kepada atau oleh Mahkamah, atau dirujuk, di Mahkamah terbuka, melainkan jika, Mahkamah atas sebab-sebab yang khas telah memerintahkan sebaliknya atas permohonan suatu pihak atau orang yang memiliki dokumen itu."

Pindaan
Perintah 28.

6. Perintah 28 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas aturan 1 –

"Keterangan
afidavit.
(P. 28, a. 1A).

1A. (1) Dalam sebarang guaman atau perkara yang dimulakan dengan saman pemula (bukannya saman *ex parte*) plaintif mestilah, sebelum tamat tempoh 14 hari setelah defendan mengakui penyampaian, atau, jika terdapat dua orang defendan atau lebih, sekurang-kurangnya seorang daripada mereka telah mengakui penyampaian, memfailkan kepada pejabat Mahkamah yang telah mengeluarkan saman itu keterangan afidavit yang atasnya dia bercadang untuk bersandar.

(2) Dalam hal saman *ex parte* pemohon mestilah memfailkan keterangan afidavitnya tidak kurang dari empat hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran.

(3) Salinan-salinan keterangan afidavit yang difailkan di Mahkamah di bawah perenggan (1) mestilah disampaikan oleh plaintif kepada defendan, atau, jika terdapat dua orang defendan atau lebih, kepada tiap-tiap defendan, sebelum tamat tempoh 14 hari setelah penyampaian diakui oleh defendan tersebut.

(4) Jika defendan yang telah mengakui penyampaian ingin mengemukakan keterangan afidavit dia mestilah dalam masa 28 hari setelah penyampaian kepadanya salinan-salinan keterangan afidavit plaintif di bawah perenggan (3) memfailkan keterangan afidavitnya sendiri di pejabat Mahkamah yang mengeluarkan saman itu dan menyampaikan salinan-salinannya kepada plaintif dan kepada mana-mana defendan lain yang terjejas olehnya.

(5) Plaintif yang telah disampaikan dengan satu salinan keterangan afidavit defendan di bawah perenggan (4) boleh dalam masa 14 hari dari penyampaian tersebut memfailkan di Mahkamah keterangan afidavit yang selanjutnya sebagai jawapan dan hendaklah dalam hal itu menyampaikan salinan-salinannya kepada defendan tersebut.

(6) Tiada afidavit lain boleh diterima sebagai keterangan tanpa kebenaran Mahkamah.

(7) Jika suatu afidavit dikehendaki untuk disampaikan oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi afidavit itu hendaklah disampaikan tanpa bayaran terdahulu.

(8) Peruntukan-peruntukan aturan ini adalah dikenakan tertakluk kepada sebarang arahan Mahkamah yang berlawanan.

(9) Dalam aturan ini sebutan-sebutan kepada afidavit dan salinan afidavit termasuk sebutan-sebutan kepada barang kes kepada afidavit dan salinan barang kes tersebut."

7. Perintah 29 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan –

Pindaan
Perintah 29.

(a) menambah yang berikut selepas aturan 1 –

"Pemeriksaan
balas tentang
aset.
(P. 29, a. 1A).

1A. (1) Jika –

- (a) Mahkamah telah membuat suatu perintah yang menghalang mana-mana pihak dari memindahkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi, ataupun sebaliknya mengendalikan sebarang aset ;
- (b) pihak tersebut telah bagi mematuhi perintah itu, atau sebarang perintah yang

dibuat berhubung dengannya, memfailkan keterangan afidavit tentang asetnya atau sebarang aset lain ; dan

- (c) Mahkamah telah memerintahkan supaya pihak tersebut diperiksa balas atas afidavitnya,

Mahkamah boleh memerintahkan bahawa pemeriksaan balas hendaklah dijalankan melainkan di hadapan seorang Hakim, dalam hal itu pemeriksaan balas hendaklah dibuat di hadapan seorang Pendaftar.

(2) Suatu pemeriksaan balas seperti yang disebutkan dalam perenggan (1) (c) hendaklah dibuat dalam kamar dan tiada transkrip atau rekodnya yang lain boleh digunakan oleh mana-mana orang, selain daripada pihak yang diperiksa balas itu, bagi sebarang maksud selain dari maksud prosiding di mana perintah bagi pemeriksaan balas itu dibuat, melainkan jika dan setakat mana pihak tersebut bersetuju atau Mahkamah memberi kebenaran." ; dan

- (b) menambah yang berikut selepas aturan 7 –

"Harta.
(P. 29, a. 7A).

7A. (1) Suatu permohonan bagi suatu perintah pemeriksaan harta yang mungkin menjadi hal-perkara prosiding yang kemudiannya di Mahkamah Tinggi atau yang mengenainya sebarang persoalan mungkin berbangkit dalam sebarang prosiding tersebut hendaklah dibuat dengan saman pemula dan orang yang terhadapnya perintah itu diminta hendaklah dijadikan defendan kepada saman itu.

(2) Suatu permohonan setelah bermulanya prosiding bagi suatu perintah berkaitan dengan harta yang bukannya harta, atau yang ada dalam milikan, mana-mana pihak kepada prosiding itu hendaklah dengan saman, yang mesti disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu diminta sendiri dan kepada tiap-tiap pihak kepada prosiding itu selain daripada pemohon.

(3) Suatu saman di bawah perenggan (1) atau (2) hendaklah disokong dengan afidavit yang mesti menyatakan atau memerihalkan harta yang berkaitan dengannya perintah itu diminta dan menunjukkan, jika boleh dilaksanakan dengan merujuk kepada sebarang pliding yang disampaikan atau dimaksudkan untuk disampaikan dalam prosiding itu atau prosiding yang

kemudiannya, bahawa ia adalah harta yang menjadi atau mungkin menjadi hal-perkara prosiding itu atau yang mengenainya sebarang persoalan berbangkit atau mungkin berbangkit dalam prosiding itu.

(4) Satu salinan afidavit sokongan hendaklah disampaikan dengan saman kepada tiap-tiap orang yang kepadanya saman itu dikehendaki untuk disampaikan.

(5) Suatu perintah yang dibuat di bawah aturan ini boleh dibuat dengan syarat pemohon memberi jaminan kos orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau atas syarat-syarat lain, jika ada, sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

(6) Perintah tidaklah boleh dibuat jika pada pendapat Mahkamah –

- (a) bahawa pematuhan perintah itu, jika dibuat, akan menyebabkan pendedahan maklumat berhubung dengan suatu proses rahsia, penemuan atau rekacipta yang bukan menjadi isu dalam prosiding itu ; dan
- (b) bahawa permohonan itu sepatutnya ditolak atas alasan tersebut jika –
 - (i) dalam hal suatu saman di bawah perenggan (1) prosiding yang kemudiannya telah pun dimulakan, atau
 - (ii) dalam hal suatu saman di bawah perenggan (2) orang yang terhadapnya perintah itu diminta adalah suatu pihak kepada prosiding itu.”.

8. Perintah 33 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas aturan 4 –

Pindaan
Perintah 33.

“Perbicaraan berasingan, tawaran ke atas liabiliti.
(P. 33, a. 4A).

4A. (1) Aturan ini adalah dikenakan jika suatu perintah dibuat di bawah aturan 4(2) supaya isu liabiliti dibicarakan sebelum sebarang isu atau persoalan mengenai jumlah ganti rugi diberikan jika liabiliti dibuktikan.

(2) Setelah suatu perintah yang dikenakan perenggan (1) dibuat, mana-mana pihak yang terhadapnya suatu keputusan liabiliti diminta boleh (tanpa menjejaskan pembelaannya) membuat suatu tawaran bertulis kepada pihak yang satu lagi untuk menerima liabiliti sehingga suatu kadar tertentu.

(3) Sebarang tawaran yang dibuat di bawah perenggan terdahulu boleh dibawa ke perhatian Hakim setelah isu liabiliti diputuskan, tetapi tidak sebelum itu."

Pindaan
Perintah 34.

9. Perintah 34 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas aturan 8 –

"Ikatan
Mahkamah.
(P. 34, a. 9).

9. (1) Sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi perbicaraan, atau, dalam hal suatu tindakan yang dimasukkan dalam sebarang senarai berlari, dalam masa tiga minggu dari notis tindakan itu dimasukkan diterima oleh defendan, defendan hendaklah mengenalpasti kepada plaintif dokumen-dokumen tersebut yang penting bagi kesnya yang dia ingin memasukkannya dalam ikatan yang akan diperuntukkan di bawah perenggan (2).

(2) Sekurang-kurangnya dua hari genap sebelum tarikh yang ditetapkan bagi perbicaraan plaintif hendaklah menyerahkan dua ikatan yang mengandungi satu salinan setiap dokumen yang berikut –

- (a) pernyataan-pernyataan saksi yang telah ditukarkan, dan laporan-laporan pakar yang telah didedahkan, berserta dengan suatu petunjuk sama ada isi kandungan dokumen itu adalah dipersetujui ;
- (b) dokumen-dokumen yang defendan ingin memasukkannya dalam ikatan dan dokumen-dokumen yang penting bagi kes plaintif ; dan
- (c) suatu nota yang dipersetujui oleh pihak-pihak tersebut atau, jika tiada persetujuan, suatu nota oleh tiap-tiap pihak yang memberikan (mengikut susunan yang berikut) –
 - (i) ringkasan isu-isu yang terlibat,
 - (ii) ringkasan sebarang usul undang-undang untuk dikemukakan berserta dengan

satu senarai autoriti yang hendak disebut ; dan

(iii) kronologi kejadian-kejadian yang berkaitan.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam aturan ini boleh –

(a) menghalang Mahkamah dari memberi, sama ada sebelum atau setelah dokumen-dokumen itu diserahkan, arahan lanjut atau berlainan tentang dokumen-dokumen yang hendak diserahkan, sebagaimana yang mungkin bersesuaian, dalam hal keadaan tersebut ; atau

(b) menghalang pembuatan suatu perintah bagi pemindahan tindakan itu kepada mahkamah lain.

(4) Bagi maksud-maksud aturan ini, "plaintif" termasuk defendan jika suatu tindakan diteruskan atas suatu tuntutan balas dan "defendan" termasuk mana-mana pihak lain yang berhak di bawah sebarang perintah Mahkamah ataupun sebaliknya untuk didengar pada perbicaraan."

10. Perintah 38 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas aturan 2 –

Pindaan
Perintah 38.

"Pertukaran
pernyataan-
pernyataan
saksi.
(P. 38, a. 2A).

2A. (1) Kuasa-kuasa Mahkamah di bawah aturan ini hendaklah dijalankan untuk tujuan menyelesaikan dengan adil dan segera guaman atau perkara di hadapannya, dan mengecualikan kos, dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan kes, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) –

(a) setakat mana fakta-fakta itu dipertikaikan atau telah diterima ;

(b) setakat mana isu-isu fakta ditakrifkan dengan pliding ; dan

(c) setakat mana maklumat telah atau mungkin diberikan dengan butir-butir lanjut dan lebih baik, jawapan-jawapan kepada interogatori ataupun sebaliknya.

(2) Pada saman bagi arahan dalam suatu tindakan yang dimulakan dengan writ Mahkamah hendaklah mengarahkan tiap-tiap pihak untuk menyampaikan kepada pihak-pihak lain, dalam masa 14 minggu (atau tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah) tentang pendengaran saman tersebut dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah, pernyataan-pernyataan bertulis tentang keterangan lisan yang pihak itu berniat untuk mengemukakan sebarang isu fakta untuk diputuskan semasa perbicaraan.

Mahkamah boleh memberi suatu arahan kepada mana-mana pihak di bawah perenggan ini pada mana-mana peringkat lain tindakan tersebut dan pada mana-mana peringkat sebarang guaman atau perkara lain.

Perintah 3, aturan 4(3) hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang tempoh yang ditentukan oleh Mahkamah di bawah perenggan ini.

(3) Arahan di bawah perenggan (2) atau (17) boleh membuat peruntukan yang berlainan berkenaan dengan isu-isu fakta yang berlainan atau saksi-saksi yang berlainan.

(4) Pernyataan-pernyataan yang disampaikan di bawah aturan ini hendaklah –

- (a) bertarikh dan, kecuali kerana alasan yang memuaskan (yang sepatutnya dinyatakan dengan surat yang disertakan dengan pernyataan itu), ditandatangani oleh saksi yang dimaksudkan dan hendaklah termasuk suatu pernyataan olehnya bahawa isi kandungannya adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya ;
- (b) mengenalpasti dengan secukupnya sebarang dokumen yang disebutkan di dalamnya ; dan
- (c) jika pernyataan-pernyataan itu hendak disampaikan oleh lebih daripada satu pihak, ditukarkan serentak.

(5) Jika suatu pihak tidak dapat memperolehi suatu pernyataan bertulis daripada seorang saksi yang dimaksudkan menurut perenggan (4) (a), Mahkamah boleh

mengarahkan supaya pihak yang ingin mengemukakan keterangan saksi itu memberi kepada pihak yang satu lagi nama saksi dan (melainkan jika Mahkamah mengarahkan sebaliknya) suatu pernyataan tentang jenis keterangan yang dimaksudkan untuk dikemukakan.

(6) Tertakluk kepada perenggan (9), jika pihak yang menyampaikan suatu pernyataan di bawah aturan ini tidak memanggil saksi yang keterangannya disebut dalam pernyataan itu, pihak yang satu lagi tidak boleh mengemukakan pernyataan itu sebagai keterangan semasa perbicaraan.

(7) Tertakluk kepada perenggan (9), jika pihak yang menyampaikan pernyataan itu ada memanggil saksi tersebut semasa perbicaraan –

- (a) Mahkamah boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, mengarahkan bahawa pernyataan yang disampaikan itu, atau sebahagian darinya, hendaklah dijadikan sebagai keterangan utama saksi atau sebahagian dari keterangan tersebut ;
- (b) pihak itu tidak boleh tanpa persetujuan pihak-pihak lain atau kebenaran Mahkamah mengemukakan keterangan daripada saksi tersebut yang isinya tidak dimasukkan dalam pernyataan yang disampaikan itu, kecuali –
 - (i) jika arahan Mahkamah di bawah perenggan (2) atau (17) menyatakan bahawa pernyataan-pernyataan hendaklah ditukar hanya berkenaan dengan beberapa isu fakta, berkenaan dengan sebarang isu lain ;
 - (ii) berkenaan dengan perkara-perkara baru yang telah berbangkit sejak pernyataan itu disampaikan kepada pihak yang satu lagi ;
- (c) sama ada atau tidak pernyataan itu atau mana-mana bahagiannya yang disebutkan dalam keterangan utama saksi, mana-mana pihak boleh mengemukakan pernyataan itu

atau mana-mana bahagiannya dalam pemeriksaan balas saksi tersebut.

(8) Tiada sebarang apa pun dalam aturan ini boleh menjadikan boleh diterima keterangan yang sebaliknya tidak boleh diterima.

(9) Jika suatu pihak gagal mematuhi suatu arahan bagi pertukaran pernyataan-pernyataan saksi dia tidaklah berhak untuk mengemukakan keterangan yang disebutkan dalam arahan itu tanpa kebenaran Mahkamah.

(10) Jika suatu pihak menyampaikan suatu pernyataan saksi di bawah aturan ini, orang lain tidak boleh menggunakan pernyataan tersebut bagi sebarang maksud selain dari maksud prosiding di mana ia disampaikan –

- (a) melainkan jika dan setakat mana pihak yang menyampaikannya memberi persetujuannya secara bertulis atau Mahkamah memberi kebenaran ; atau
- (b) melainkan jika dan setakat mana ia telah dikemukakan sebagai keterangan (sama ada menurut suatu arahan di bawah perenggan (7)(a) ataupun sebaliknya).

(11) Tetakluk kepada perenggan (13), Hakim hendaklah, jika mana-mana orang meminta demikian dalam masa perbicaraan, memperakui sebagai terbuka untuk pemeriksaan sebarang pernyataan saksi yang diperintahkan untuk dijadikan sebagai keterangan utama di bawah perenggan (7)(a).

(12) Suatu permintaan di bawah perenggan (11) boleh dibuat secara lisan atau bertulis.

(13) Hakim boleh enggan memberi suatu arahan di bawah perenggan (11) berkenaan dengan suatu pernyataan saksi, atau boleh tidak memasukkan dalam arahan tersebut sebarang perkataan atau petikan dalam suatu pernyataan, jika dia menganggap pemeriksaan itu tidak patut diadakan –

- (a) bagi kepentingan keadilan atau keselamatan negara,
- (b) kerana jenis sebarang keterangan perubatan pakar dalam pernyataan itu, atau

- (c) kerana sebarang alasan lain yang mencukupi.

(14) Jika seorang Hakim memperakui di bawah perenggan (11) bahawa suatu pernyataan saksi sebagai terbuka untuk pemeriksaan, dia hendaklah –

- (a) menyediakan suatu perakuan yang akan disertakan pada satu salinan ("salinan yang diperakui itu") pernyataan saksi tersebut ; dan
- (b) menjadikan salinan yang diperakui itu tersedia untuk pemeriksaan.

(15) Tertakluk kepada sebarang syarat yang mungkin dikenakan oleh Mahkamah dengan arahan khas atau am, mana-mana orang boleh memeriksa dan (tertakluk kepada pembayaran bayaran yang ditetapkan) mengambil satu salinan bagi salinan pernyataan saksi yang diperakui dari masa bila perakuan itu diberikan sehingga tempoh 7 hari berakhir selepas tamatnya perbicaraan.

(16) Dalam aturan ini –

- (a) Sebarang sebutan dalam perenggan-perenggan (11) hingga (15) kepada suatu pernyataan saksi hendaklah, berkenaan dengan suatu pernyataan saksi di mana hanya sebahagiannya sahaja telah diperintahkan untuk dijadikan sebagai keterangan utama di bawah perenggan (7)(a), ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada bahagian tersebut ;
- (b) sebarang sebutan kepada memeriksa atau menyalin salinan pernyataan saksi yang diperakui hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk suatu sebutan kepada memeriksa atau menyalin satu salinan bagi salinan yang diperakui itu.

(17) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengubah atau mengatasi sebarang peruntukan aturan ini (kecuali perenggan-perenggan (1), (8) dan (11) hingga (16)) dan untuk memberikan arahan lain sebagaimana yang difikirkannya patut."

11. Perintah 39 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas aturan 3 –

Pindaan
Perintah 39.

	"Pemeriksaan bukan dengan mengangkat sumpah. (P. 39, a. 3A).	3A. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan aturan 1, jika orang yang hendak diperiksa berada di luar bidangkuasa orang itu boleh diperiksa dengan mengangkat sumpah atau membuat pengakuan ataupun sebaliknya menurut prosedur negara di mana pemeriksaan itu dijalankan."
Pindaan Perintah 50.	12. Perintah 50 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas aturan 9 – "Penguatkuasaan perintah gadaian dengan jualan. (P. 50, a. 9A).	9A. (1) Prosiding bagi penguatkuasaan suatu perintah gadaian dengan menjual harta yang digadaikan mestilah dimulakan dengan saman pemula. (2) Peruntukan-peruntukan Perintah 79 hendaklah dikenakan kepada semua prosiding tersebut."
Pindaan Perintah 70.	13. Perintah 70 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan – (a) menambah yang berikut selepas aturan 22 – "Akujanji tentang perbelanjaan. (P. 70, a. 22A).	22A. (1) Setiap akujanji di bawah aturan 9(3) atau 12(6) atau 22(3) hendaklah diberikan secara bertulis sehingga memuaskan hati sherif. (2) Jika suatu pihak dikehendaki oleh aturan 9(3) atau 22(3) untuk memberi kepada sherif suatu akujanji untuk membayar sebarang bayaran atau perbelanjaan, sherif boleh menerima sebagai ganti suatu akujanji deposit dengannya suatu jumlah wang yang dianggapnya munasabah untuk membayar bayaran dan perbelanjaan tersebut. (3) Mahkamah atau seorang Hakim, boleh atas permohonan mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan suatu arahan atau keputusan sherif di bawah aturan 12(6) atau aturan ini, mengubah atau membatalkan arahan atau keputusan tersebut." (b) menambah yang berikut selepas aturan 36 – "Tindakan pengehadan. Pembayaran ke dalam Mahkamah. (P. 70, a. 36A).
		36A. (1) Plaintiff boleh menubuhkan suatu tabung pengehadan dengan membayar ke dalam Mahkamah wang sterling bersamaan dengan beberapa hak pengeluaran khas di mana dia mengaku berhak untuk mengehadkan liabilitinya di bawah sebarang undang-undang Perkapalan Pedagang, berserta dengan faedah ke atasnya mulai dari

tarikh kejadian yang menimbulkan liabilitinya sehingga tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah.

(2) Jika plaintif tidak mengetahui wang sterling bersamaan dengan beberapa hak pengeluaran khas tersebut pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah dia boleh mengiranya berdasarkan wang sterling terbitan terbaru yang ada bersamaan dengan hak pengeluaran khas yang ditetapkan oleh Dana Kewangan Antarabangsa, dan sekiranya wang sterling bersamaan dengan hak pengeluaran khas pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1) berlainan dari yang digunakan untuk mengira jumlah pembayaran tersebut ke dalam Mahkamah plaintif boleh –

- (a) membayar sebarang kekurangan dengan membuat pembayaran tambahan ke dalam Mahkamah, jika dibuat dalam masa 14 hari selepas pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1), yang akan disifatkan, kecuali bagi maksud aturan-aturan berkenaan dengan terakrunya faedah ke atas wang yang dibayar ke dalam Mahkamah, seolah-olah ia telah dibuat pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah tersebut, atau
- (b) memohon kepada Mahkamah bagi pembayaran dari sebarang jumlah berlebihan (berserta dengan sebarang faedah yang terakru ke atasnya) yang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1).

(3) Suatu permohonan di bawah perenggan (2)(b) boleh dibuat secara *ex parte* dan mestilah disokong dengan keterangan yang membuktikan wang sterling bersamaan dengan beberapa hak pengeluar khas yang berkenaan pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah.

(4) Setelah sebarang pembayaran ke dalam Mahkamah dibuat di bawah aturan ini, plaintif hendaklah memberi notis mengenainya secara bertulis kepada tiap-tiap defendan, yang menyatakan tarikh pembayaran, jumlah yang dibayar, jumlah faedah yang dimasukkan di dalamnya, kadar faedah tersebut dan tempoh yang disebut dalam pembayaran itu.

Plaintif hendaklah juga memberi notis secara bertulis kepada tiap-tiap defendan tentang sebarang jumlah berlebihan (dan sebarang faedah ke atasnya) yang dibayar kepadanya di bawah perenggan (2)(b).

(5) Perintah 22, aturan-aturan 10 dan 11 hendaklah dikenakan kepada suatu tindakan pengehadan sebagaimana aturan-aturan itu dikenakan kepada suatu tindakan bagi mendapatkan hutang atau ganti rugi dan aturan 23(2) dan (3) Perintah ini hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada pembayaran dari wang yang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah aturan ini.''. .

Tambahan
Perintah 88.

14. Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan menambah yang berikut selepas Perintah 87 –

"PERINTAH 88

Prosiding terus
bagi pemilikan
tanah.
(P. 88).

1. Jika seseorang mengaku memiliki tanah yang dia mengatakan hanya diduduki oleh seseorang atau orang-orang (bukannya seorang penyewa atau penyewa-penyewa yang menyambung tempoh tinggal selepas tamat tempoh penyewaan) yang memasuki atau terus menduduki tanpa lesen atau persetujuannya atau lesen atau persetujuan mana-mana pemegang hak miliknya yang dahulu, prosiding boleh diambil dengan saman pemula menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Bidang kuasa
Pendaftar.

2. Prosiding di bawah Perintah ini boleh didengar dan diputuskan oleh seorang Pendaftar, yang boleh menunjukkannya kepada seorang Hakim jika difikirkannya prosiding itu patut diputuskan dengan sewajarnya oleh Hakim tersebut.

Borang saman
pemula.

3. (1) Saman pemula hendaklah dalam Borang Bil. 8 dalam Lampiran A dan pengakuan penyampaianya tidaklah dikehendaki.

(2) Saman pemula hendaklah diendors dengan atau mengandungi suatu pernyataan yang menunjukkan sama ada pemilikan dituntut berkaitan dengan bangunan kediaman atau berkaitan dengan tanah lain.

Afidavit
sokongan.

4. Plaintif hendaklah memfailkan bagi menyokong saman pemula suatu afidavit yang menyatakan –

(a) kepentingannya ke atas tanah tersebut ;

- (b) hal keadaan bagaimana tanah tersebut telah diduduki tanpa lesen atau persetujuan dan bagaimana tuntutananya terhadap pemilikan timbul ; dan
- (c) bahawa dia tidak mengetahui nama mana-mana orang yang menduduki tanah tersebut yang tidak dinamakan dalam saman itu,

dan, melainkan jika Mahkamah mengarahkan, sebarang affidavit tersebut boleh mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan dengan sumber dan alasannya.

Penyampaian
saman pemula.

5. (1) Jika mana-mana orang yang menduduki tanah tersebut dinamakan dalam saman pemula, saman itu berserta dengan satu salinan affidavit sokongan hendaklah disampaikan kepadanya –

- (a) sendiri ; atau
- (b) dengan meninggalkan satu salinan saman dan affidavit tersebut atau menghantarnya kepadanya, di bangunan itu ; atau
- (c) dengan cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Jika mana-mana orang yang tidak dinamakan sebagai defendan menduduki tanah tersebut, saman itu hendaklah disampaikan (sama ada atau tidak ia juga dikehendaki untuk disampaikan menurut perenggan (1)), melainkan jika Mahkamah mengarahkan sebaliknya, dengan –

- (a) melekatkan satu salinan saman itu dan satu salinan affidavit tersebut pada pintu utama atau bahagian lain bangunan itu yang mudah dilihat dan, jika dapat dilaksanakan, dengan memasukkan melalui peti surat di bangunan itu satu salinan saman itu dan satu salinan affidavit tersebut yang dimasukkan ke dalam sampul surat lutsinar bermeterai yang dialamatkan kepada “penghuni-penghuni” ; atau
- (b) meletakkan pancang di tanah pada bahagian-bahagian yang mudah dilihat di tanah yang diduduki itu, pada setiap bahagian itu

hendaklah dilekatkan sampul surat lutsinar bermeterai yang dialamatkan kepada "penghuni-penghuni", dan mengandungi satu salinan saman itu dan satu salinan affidavit tersebut.

(3) Tiap-tiap salinan saman pemula untuk disampaikan di bawah perenggan (1) atau (2) hendaklah dimeterai dengan meterai Mahkamah Besar.

(4) Perintah 28 hendaklah tidak dikenakan kepada prosiding di bawah Perintah ini.

Permohonan penghuni untuk dijadikan suatu pihak.

6. Tanpa menjejaskan Perintah 15, aturan-aturan 6 dan 10, mana-mana orang yang tidak dinamakan sebagai defendan yang menduduki tanah tersebut dan ingin didengar atas persoalan sama ada suatu perintah bagi pemilikan patut dibuat boleh memohon pada sebarang peringkat prosiding itu untuk disatukan sebagai defendan.

Perintah bagi pemilikan.

7. (1) Suatu perintah muktamad bagi pemilikan dalam prosiding di bawah Perintah ini, kecuali sekiranya berlaku darurat dan dengan kebenaran Mahkamah, tidaklah boleh dibuat –

(a) dalam hal bangunan kediaman, kurang dari lima hari genap selepas tarikh penyampaian saman itu ; dan

(b) dalam hal tanah lain, kurang dari dua hari genap selepas tarikh penyampaian saman itu.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menghalang Mahkamah dari memerintahkan supaya pemilikan diberikan pada suatu tarikh yang ditentukan, dalam menjalankan sebarang kuasa yang boleh dijalankan jika pemilikan telah dituntut dalam suatu tindakan yang dimulakan dengan writ.

Writ pemilikan.

8. (1) Perintah 45, aturan 3(2) hendaklah tidak dikenakan berkenaan dengan suatu perintah bagi pemilikan di bawah Perintah ini tetapi tiada writ pemilikan untuk menguatkuasakan perintah tersebut boleh dikeluarkan selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh perintah itu tanpa kebenaran Mahkamah.

Suatu permohonan bagi kebenaran boleh dibuat secara *ex parte* melainkan jika Mahkamah mengarahkan sebaliknya.

(2) Writ pemilikan hendaklah dalam Borang Bil. 90.

Mengenepikan
perintah.

9. Mahkamah boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya adil, mengenepikan atau mengubah sebarang perintah yang dibuat dalam prosiding di bawah Perintah ini."

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Jun, 1999.

DENGAN PERINTAH

DATO SERI PADUKA SIR DENYS ROBERTS
KETUA HAKIM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM